

# BP Plastics umum harga baru produk

**P**ENGELUAR bahan bungkus dan helaian plastik nipis, BP Plastics Holding Bhd, merancang 'memujuk' pelanggannya berkongsi beban kenaikan kosnya.

Pengarah Urusannya, CY Lim, berkata harga baru bagi produknya akan diumumkan secara beransur bergantung kepada tahap bekalan dan keperluan pelanggan.

"Pelanggan faham keadaan ini kerana minggu lalu MPMA (Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia) mengumumkan bahawa pelanggan perlu menanggung sebahagian daripada kos pengeluaran tambahan itu," katanya selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur.

Lim berkata, harga damar meningkat ke tahap yang tinggi bulan ini, didorong permintaan di China ekoran kejadian gempa bumi di Sichuan.

"Harga bahan mentah meningkat dengan begitu cepat kepada AS\$100 hingga AS\$200, bergantung kepada gred. Keadaan ini membuat kami tidak berupaya menyerap kos.

"Justeru, kami akan berusaha untuk menjelaskan keadaan ini kepada pelanggan dan memindahkan kos itu kepada mereka," katanya. – Bernama